

02/08/2001

45,000 Jalur Gemilang diedar

PUTRAJAYA, Rabu - Sebanyak 45,000 helai bendera Jalur Gemilang akan diedarkan ke seluruh negara sepanjang program Kembara Merdeka 2001 selama 17 hari, bermula hari ini.

Kembara itu yang membabitkan 74 peserta termasuk 20 wakil media dengan 15 kenderaan pacuan empat roda, dilepaskan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Putrajaya di sini, pagi ini.

Perdana Menteri memasang Jalur Gemilang pada kenderaan peserta bagi menyempurnakan majlis itu sebelum kembara itu bermula dengan persinggahan pertama di pekan Kuala Selangor.

Sepanjang pengembaraan itu, peserta akan mengedar serta memasang bendera Jalur Gemilang pada kenderaan sepanjang laluan yang dikenal pasti.

Hadir sama pada majlis pelepasan kembara itu ialah Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakub, timbalannya Datuk Khalid Yunus dan Setiausaha Parlimen, Datuk Zainuddin Maidin.

Pengembaraan itu bertujuan menyemarakkan semula semangat patriotik rakyat khususnya menjelang sambutan Hari Kemerdekaan ke-44 pada 31 Ogos ini.

Menurut kenyataan Kementerian Penerangan, antara kegiatan yang akan dijalankan sepanjang perjalanan ialah menyertai ceramah ketatanegaraan serta menghadiri kegiatan bersama pemimpin negeri.

Menurut kenyataan itu, program itu juga diharap dapat melahirkan masyarakat yang harmoni, tolong menolong, bersatu padu serta menghapuskan perasaan curiga mencurigai antara satu dengan lain.

Kembara Merdeka 2001 peringkat Semenanjung akan berakhir di Dataran Merdeka di Kuala Lumpur pada 17 Ogos manakala bagi peringkat Sabah dan Sarawak bermula pada 18 Ogos hingga 25 Ogos.

(END)